

Irama merdu dari istana

109

Empat buah lagu chiptaan Sultan Perak di-jadikan filem lukisan-nya pun sangat istimewa

Oleh
SHAFIE NOOR

KERANA bagitu kuat minat-nya dalam seni muzik dan lagu, Sultan Idris Shah makin popular sa-bagai sa-orang Sultan yang berjiwa seniman.

Dan empat buah lagu chiptaan-nya termasuk "Kalau Rindu" dan "Hujan di-Tasek" di-filemkan khusus oleh Filem Negara untuk sambutan hari ini.

Kemunchulan Baginda sa-bagai pemain saxophone yang mahir menjadi satu keistimewaan yang sukar di-tandingi.

Bokti-nya saperti yang pernah di-lakukan oleh Baginda dalam pesta "Muzik dan Tari" di-Eastern Hotel, Kuala Lumpur bulan Mei tahun lalu.

Pelukis

Saya maseh teringat dan melihat sendiri beta-pa tenang dan penoh perasaan, Baginda meniup saxophone-nya membawa lagu2 "Bayangan" dalam rentak romba dan "Alam Bahagia" dalam rentak foxtrot.

Ramai penonton dalam pesta malam itu kelihatan terpesona dengan ke-handalan Baginda membawa lagu2 tersebut dengan saxophone-nya.

Bukan sa-kadar itu sa-

haja keistimewaan-nya. Baginda gemar melukis, menanam bunga, berburu, berlumba perahu dan motokar dan menembak.

Dalam seni lukis, Baginda merupakan sa-bagai sa-orang pelukis yang baik di-negeri ini. Sa-buah chiptaan-nya pernah terjual dengan harga \$1,693 dalam satu pameran yang di-adakan di-Ipoh bulan Jun tahun 1965 lalu.

Pameran

Tetapi Baginda mendermakan hasil jualan lukisan itu untuk Tabong Pertahanan Negara.

Minat Baginda dalam seni lukis ini tumbuh sejak maseh belum bersekolan lagi. Kegemaran itu di-lahirkan Baginda, dengan menchonteng2 dinding Istana Iskandariah, tempat Baginda bersemayam sekarang.

Dalam tahun 1957 dan tahun berikut-nya, beberapa buah lukisan minyak Baginda telah di-pamerkan di-Dewan Kebudayaan British, Kuala Lumpur.

Baginda pernah menyebut: "Bila beta mempunyai masa lapang, beta amat gemar membuat lukisan2 minyak."

Menurut Baginda, kesempatan-nya melukis sa-chara bersungguh2 diperolehi-nya beberapa waktu sa-lepas meletus perang dunia kedua yang lalu.

Antara lukisan2 yang di-chipta-nya termasuk lukisan sampan nelayan Melayu, gambar pergunungan dan pemandangan serta gambar kepala keretapi yang terhulor dari terowongan Bukit Berapit.

Baginda pernah menyatakan bahawa chara yang sa-baik2-nya untuk melapangkan masa ia-lah melakukan sa - suatu yang menjadi minat sendiri.

Memang, kemewahan hidup biasa-nya memberi sa-saorang itu kesempatan untuk melahirkan berbagai kegemaran.

Kerana kegemaran sa-saorang itu biasa-nya mempunyai kaitan yang erat pula dengan bakat sa-mula jadi yang di-warithi-nya.

Bunga2an

Dalam perlumbaan perahu dan motokar pula, Baginda pernah menchipta reka bentuk sa-buah perahu lumba. Perahu2 lumba kepunyaan Baginda sendiri juga pernah memenangi beberapa perlumbaan di-Larut tidak lama dulu.

Ketika menjadi Raja Muda dulu, Baginda memiliki empat buah perahu laju dan sa-buah perahu di-Raja yang digunakan di-Sungai Perak dalam perayaan hari pertabalan Baginda dulu ia-lah hasil rekaan-nya sendiri.

Perahu itu di-beri nama "Chempaka Sari" di-ambil dari nama sa-buah kampong tua dalam daerah Parit yang di-tukar dengan nama BOTA sekarang.

Perahu "Chempaka Sari" itu mempunyai ukuran sa-panjang 40 kaki dan lebar-nya 18 kaki yang di-lengkapi dengan dua buah bilek tidor, bilek mandi dan dapor.

Kegemaran Baginda tidak terhenti sa-takat ini sahaja, malah banyak lagi. Dalam tahun 1957, Baginda menambah satu lagi kegemaran-nya di-masa lapang dengan berkebun bunga2an.

Antara berbagai jenis bunga yang Baginda tanam termasuk oked dan lain2 lagi yang hidup subur dalam sa-buah kawasan yang sengaja di-adakan di-pekarangan istana-nya.

Tentu sa-kali kita dapat membayangkan betapa indah halaman ista-

na Baginda yang di-pe-nohi oleh bunga2 yang kembang mekar dan menawan pemandangan itu.

Kerana mempunyai minat besar dalam bidang photographi, Baginda sendiri memiliki beberapa buah kamera istimewa.

Kebanyakan gambar2 yang di-ambil-nya di-chuchi-nya sendiri. Keindahan alam negeri Perak

tentu sahaja menjadi objek kamera Baginda.

Satu lagi kegemaran Baginda ia-lah memandu kereta sendiri. Minat ini di-tunjokan-nya dengan kesediaan menaongi "Royal Perak Motor Club".

Sa-bagai penaung negeri Perak yang luas-nya kira2 7,980 persegi batu dengan penduduk2 sa-ramai 1,526,571 orang, Baginda juga sa-orang raja yang bersemangat kesetia yang penoh chinta

terhadap tanah ayer.

Semangat ini berse-suaian pula dengan kegemaran Baginda yang suka menembak. Baginda mahir menggunakan berbagai jenis senjata api.

Baginda juga sa-orang anggota Askar Melayu di-Raja yang berpangkat Major dan pernah mengikuti latihan tentera di-Port Dickson.

Tidak hairan-lah walaupun sa-bagai sa-orang raja, tetapi Baginda gemar sa-kali berdamping diri dan mengambil berat hal2 ra'ayat-nya.